

# PHARMANIAGA DIPHENOXYLATE A TABLET

Diphenoxylate Hydrochloride/Atropine Sulphate (2.5mg/0.025mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet

Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet digunakan dalam rawatan cirit-birit.

Apabila anda mengalami cirit-birit, badan anda kehilangan air dan garam yang penting. Oleh itu, doktor mungkin akan memberi anda ubat-ubatan lain untuk membantu menggantikan air dan garam yang telah hilang dari badan sebelum anda makan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet.

Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet juga boleh dipreskrib oleh doktor anda untuk mengurangkan pembuangan najis dan membuatkan najis kurang berair jika anda mempunyai kolostomi (penggunaan beg eksternal yang dipasang pada badan apabila sebahagian daripada usus besar telah dikeluarkan) atau ileostomi.

## Bagaimana Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet berfungsi

Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet mengandungi bahan aktif diphenoxylate dan atropine sulfat.

Diphenoxylate hydrochloride bertindak dengan cara memperlambatkan aktiviti usus dan ini akan mengurangkan cirit-birit.

Jika diambil secara oral, atropine sulfat mengurangkan pengecutan otot licin di bahagian usus dan mengurangkan pergerakan usus dan gastrik..

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet tidak disyorkan jika anda ada alahan kepada diphenoxylate hydrochloride dan atropine sulfat atau mana-mana bahan-bahan lain yang terkandung dalam Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet sepertimana disenaraikan pada hujung risalah ini.

Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet tidak disyorkan untuk rawatan cirit-birit berpunca dari antibiotik seperti clindamycin atau lincomycin.

### -Sebelum mula mengambil

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet jika anda mengalami ulser dan radang pada usus besar atau masalah usus tersumbat.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang atau baru-baru ini telah mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang boleh dibeli

tanpa preskripsi dan juga ubat-ubatan herba.

Ini adalah kerana Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet boleh menjejaskan keberkesanan beberapa jenis ubat ataupun ubat tersebut boleh mengubah cara Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet bertindak.

## Cara menggunakan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet

### -Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dari risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos biasa Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet adalah seperti berikut:

Dewasa:

Dos permulaan dua tablet empat kali sehari, kemudian dikurangkan apabila cirit-birit terkawal.

Dos untuk kanak-kanak:

6-8 tahun: satu tablet tiga kali sehari.

9-11 tahun: satu tablet empat kali sehari.

Lebih daripada 12 tahun: dua tablet tiga kali sehari.

Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet tidak disyorkan diguna untuk kanak-kanak di bawah umur 6 tahun.

### -Bila perlu digunakan

Gunakan seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terdapat darah dalam najis dan cirit-birit masih tidak berhenti, anda harus berjumpa dengan doktor semula.

# PHARMANIAGA DIPHENOXYLATE A TABLET

Diphenoxylate Hydrochloride (2.5mg) & Atropine Sulphate (0.025mg)

## -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet seperti yang disarankan doktor anda. Anda mungkin akan dinasihatkan supaya berhenti mengambil Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet apabila keadaan cirit-birit telah berkurang atau pulih.

## -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Gejala-gejala terlebih dos termasuk kulit menjadi kering, kemerahan, rasa panas dengan suhu badan yang tinggi dan denyutan jantung yang cepat, anak mata mengecil, refleks lemah, keletihan, koma dan kesukaran bernafas yang teruk.

Pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## **Semasa menggunakan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat seperti yang telah diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya mendapat rawatan perubatan lain, sila beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi

bahawa anda mengambil Pharmaniaga Diphenoxylate A tablet.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan minum arak semasa mengambil Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet .

Jangan beri Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

#### **Hamil dan menyusukan bayi**

Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet tidak boleh digunakan semasa hamil atau menyusukan bayi. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat-ubatan.

#### **Memandu dan mengendalikan mesin**

Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet boleh membuat anda rasa mengantuk atau pening atau menjejaskan tumpuan anda. Anda tidak disyorkan memandu atau menggunakan mesin apabila anda mula mengambil ubat ini sehingga anda pasti bahawa anda tidak mengalami kesan-kesan sampingan. Jika anda merasa ragu-ragu, rujuk doktor sebelum anda memandu atau mengendalikan mesin.

Ubat ini mungkin boleh menyebabkan pengekalan cecair di dalam usus yang boleh menerukkan dan menyembunyikan dehidrasi dan kekurangan elektrolit, terutamanya kepada kanak-kanak kecil. Jika dehidrasi yang teruk atau ketidakseimbangan elektrolit berlaku, pengambilan diphenoxylate perlu diberhentikan sehingga doktor memulakan rawatan terapi yang lebih sesuai.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua jenis ubat-ubatan, Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet kadang-kadang boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Jika anda secara tiba-tiba mengalami kesukaran bernafas, berdehit, bengkak kelopak mata, gusi, muka, atau bibir, ruam atau gatal-gatal (terutama yang melibatkan seluruh badan anda) anda harus jumpa doktor dengan segera.

Kesan-kesan sampingan yang berikut boleh berlaku:

- Loya dan muntah-muntah.
- Sukar untuk tidur.
- Mengantuk dan sakit kepala.
- Selera makan berkurang dan sembelit.
- Kulit dan mulut menjadi kering dan kemerahan.
- Sakit dada.
- Denyutan jantung yang lambat dan sementara diikuti oleh denyutan jantung yang cepat dan kuat dan tidak teratur.
- Kesukaran membuang air kecil.
- Peningkatan tekanan dalam mata yang menyebabkan

# PHARMANIAGA DIPHENOXYLATE A TABLET

Diphenoxylate Hydrochloride (2.5mg) & Atropine Sulphate (0.025mg)

perubahan kepada penglihatan.

- Kepekaan terhadap cahaya.

Jika mana-mana kesan sampingan yang didapati serius, atau jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Diphenoxylate A Tablet

### -Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi dari cahaya.

Jangan menyimpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau ambang tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda

mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### -Rupa dan warna produk

Tablet putih, bulat, dwicembung dengan ikon Pharmaniaga di satu permukaan dan garisan belahan di permukaan yang lain.

### -Bahan-bahan kandungan:

-Bahan aktif:

Diphenoxylate Hydrochloride  
2.5mg & Atropine Sulphate  
0.025mg

-Bahan tidak aktif:

Talcum, Povidone, Lactose Monohydrate, Starch, Croscarmellose Sodium, Purified Water dan Stearic Acid

### -Nombor MAL:

MAL19880347AZ

## Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

01/11/2017

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)241017/00280